

22/11/1999

Pastikan perjuangan tidak sia-sia

LABUAN, Ahad - Semua pemimpin dan ahli parti pembangkang di sini hendaklah meninggalkan perjuangan sia-sia mereka, sebaliknya bersatu di bawah Barisan Nasional (BN) untuk sama-sama membangunkan negara ini.

Calon BN bagi kawasan Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman, ketika membuat rayuan itu berkata semua pihak perlu bersatu di bawah panji perjuangan BN kerana gabungan parti itu sudah terbukti berkemampuan membangunkan negara, termasuk di pulau bebas cukai ini.

Sehubungan itu, beliau akan mengumpulkan pengikut parti pembangkang di sini bagi mendengar penjelasan mereka sebelum memberikan penerangan sebenar mengenai kebaikan mereka bersatu di bawah BN.

"Saya merayu pemimpin dan ahli parti pembangkang dengan baik supaya kembali kepada BN kerana kemampuannya membangunkan negara dan pulau ini sudah terbukti. Saya akan mendengar permintaan dan masalah mereka sebelum memberi cadangan demi kebaikan bersama," katanya.

Pada pilihan raya kali ini, Suhaili ditentang calon Parti Bersatu Sabah (PBS) Raymond Teo Boon Heng dan calon Pas, Asbullah Mohd Salleh.

Suhaili berkata hanya BN yang mampu membangunkan negara ini dan Labuan kerana diwakili semua parti yang merangkumi pelbagai kaum terutama Cina, India, Kadazandusun dan Iban selain Melayu yang menjadi tunggak pemerintahan negara ini sejak merdeka.

Beliau berkata orang Melayu terutama pengundi di sini wajar melihat kemajuan dan pembangunan pesat yang menunjukkan bukti keprihatinan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyediakan pelbagai prasarana untuk kebaikan rakyat.

Katanya, tidak ada sebab untuk mereka (pembangkang) mengelirukan rakyat dengan prestasi yang sudah teruji selama ini walaupun banyak lagi pembangunan dan kemajuan belum dinikmati sepenuhnya penduduk pulau ini.

Mengenai pemilihannya kali ini, Suhaili berkata, semua pihak perlu akur dengan keputusan parti dan bekerja keras membantu calon yang sudah ditentukan sejajar perjuangan menegakkan bangsa dan agama.

(END)